



# MAINS Agih Lebih RM17.9 Juta Dana Zakat Ramadan 2025

**SEREMBAN,** – Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah memperuntukkan sejumlah RM17,961,940 bagi agihan dana zakat sempena bulan Ramadan 1446H/2025. Agihan ini bertujuan meringankan beban golongan asnaf dan menyokong keperluan komuniti Islam di Negeri Sembilan sepanjang bulan yang mulia ini.

Pengerusi MAINS, Dato' Seri Dr. Abdul Aziz B. Sheikh Ab. Kadir berkata, peruntukan ini merupakan usaha berterusan MAINS untuk memastikan bantuan zakat sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

"Sebanyak RM6.51 juta diperuntukkan untuk Bantuan Bulanan, Ramadan dan Aidilfitri bagi Asnaf Fakir Miskin melibatkan 4,646 penerima. Ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan kami untuk memperkukuh kesejahteraan asnaf di negeri ini," katanya

#### Antara agihan lain yang dilaksanakan termasuk:

1. Bantuan Khas Masjid & Surau Sempena Ramadan - RM5,152,000
2. Bantuan Aidilfitri Asnaf Muallaf - RM600,000
3. Bantuan Bulanan Asnaf Muallaf - RM60,000
4. Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Guru Kafa Tulen - RM884,500
5. Bantuan Anak Yatim Negeri Sembilan - RM800,000
6. Bantuan Persekolahan Anak Orang Asli Yang Kelslaman Lebih 5 Tahun - RM250,000
7. Bantuan Aidilfitri Orang Asli Yang Kelslaman Lebih 5 Tahun - RM800,000
8. Bantuan Tahunan Masjid dan Surau - RM2,127,000
9. Agihan Saguhati Jawatankuasa Kariah Masjid Negeri Sembilan - RM777,000

Dato' Seri Dr. Abdul Aziz menegaskan, setiap bantuan yang disalurkan diharap dapat memperkukuh kesejahteraan masyarakat Islam di Negeri Sembilan, khususnya dalam menyambut Ramadan dan Aidilfitri dengan lebih bermakna.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada para pembayar zakat yang sentiasa memberi kepercayaan kepada MAINS dalam mengurus dan menyalurkan zakat kepada golongan asnaf.

"Kami di MAINS akan terus komited dalam memastikan dana zakat diagihkan dengan telus dan adil agar manfaatnya dirasai oleh seluruh masyarakat yang memerlukan," tambahnya.

MAINS menyeru agar umat Islam di Negeri Sembilan terus menunaikan kewajipan berzakat bagi memperkukuh institusi zakat dan memastikan kesejahteraan ummah sentiasa terjaga.



Pengerusi MAINS Dato' Seri Dr. Abdul Aziz Sheikh Ab. Kadir menyerahkan cek cura bagi Bantuan Khas Ramadan Masjid Dan Surau serta Bantuan Khas Kewangan Guru Kafa Tulen kepada Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) Tuan Asri Abdullah sambil disaksikan Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun.

## Perkhidmatan KAUNSELING PERCUMA



ASNAF



KOMUNITI



ORGANISASI

- Kaunseling Percuma
- Dilindungi Akta Kerahsiaan (Akta 580)
- Kaunselor Berdaftar (Lembaga Kaunselor Malaysia)
- Terbuka kepada semua bangsa & agama

HUBUNGI TALIAN TELEKAUNSELING MAINS  
UNTUK MEMBUAT JANJI TEMU

019-700 6629

Di setiap daerah & cawangan MAINS



MAINS dengan kerjasama Bank Muamalat Malaysia Berhad melalui Wakaf Negeri Sembilan Muamalat (WNSM) menyerahkan agihan wakaf bernilai RM57,320.00 kepada SMK Bukit Kepayang bagi tujuan baik pulih dan naik taraf Pusat Sumber Sekolah. Sumbangan tersebut telah diserahkan oleh Pengarah Jabatan Wakaf MAINS, Norazman Amat kepada Pengetua SMK Bukit Kepayang, Suhana Sabran.



MAINS (Daerah Rembau) bersama ADUN Chembong, Dato' Zaifulbahri Idris menziarahi seorang balu di Taman Rimbunan Kasih selepas kehilangan suami akibat kemalangan jalan raya berhampiran Balai Bomba dan Penyelamat Chembong.



MAINS (Daerah Rembau) menziarahi seorang pesakit kanser usus, Zulkifly Bin Abd Jalil di Kampung Semerbok bagi mendapatkan maklumat lanjut dan menilai keperluan terkini. Bantuan wang tunai segera disampaikan oleh Pegawai MAINS Daerah Rembau, Zaharudin Mat Derus dan turut hadir Penolong Pegawai MAINS Daerah Rembau, Zamru Samsudin.



MAINS (Daerah Jempol) bersama komuniti setempat mengadakan gotong-royong membersihkan rumah asnaf di Felda Palong 5. Program ini melibatkan 30 peserta terdiri daripada kakitangan MAINS (Daerah Jempol), ahli kariah Masjid Al-Ansar, wakil Pejabat Felda Palong 5 dan wakil Badan Khairat Kematian bagi membantu asnaf, Biba Abu, dalam kerja-kerja pembersihan rumah.



MAINS (Daerah Rembau) bersama ADUN Chembong Dato' Zaifulbahri Idris menziarahi sebuah keluarga Orang Asli di Kampung Ulu Chembong yang tinggal di rumah uzur dan mengalami pelbagai kerosakan.



MAINS (Cawangan Gemas) menyerahkan bantuan sebuah kerusi roda bernilai RM725.80 kepada seorang asnaf di Kampung Sri Gemas untuk kegunaan cucunya yang terlantar.



MAINS (Tampin) bersama JHEAINS, PDT Tampin, IPD Tampin, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, JPKK Kampung Keru, Masjid Kariah Kampung Keru dan pihak berkaitan menjalankan pemindahan kubur lama orang Islam dari Tapak Perkuburan Cina Kampung Keru Hilir ke Tanah Perkuburan Islam Kampung Keru. Pemindahan dilakukan dengan penuh hormat dan berlandaskan hukum syarak bagi memastikan ia berjalan tertib mengikut prosedur yang ditetapkan.



Majlis Pelancaran Bulan Wakaf Peringkat Negeri Sembilan bagi tahun 1446H/2025 telah disempurnakan oleh Pengerusi MAINS, Dato' Seri Dr. Abdul Aziz Sheikh Ab Kadir bertempat di Hotel Klana Resort, Seremban.